

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

25. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menolong penduduk Pulau Tikus untuk mendapat perumahan di KADUN Pulau Tikus?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri telah mensasarkan pembinaan Rumah Mampu Milik sebanyak 180,000 unit menjelang 2030 bagi memenuhi hasrat 1 Keluarga 1 Kediaman di bawah visi Penang2030 iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti hidup. Perancangan Kerajaan Negeri mengambilkira keperluan seimbang perumahan di semua DUN samada dari segi penyediaan Program Perumahan Rakyat, program Sewa Beli dan juga Rumah Mampu Milik. Berdasarkan rekod, terdapat sebanyak 633 senarai menunggu di DUN Pulau Tikus dengan pecahan RMM A (180 pemohon), RMM B (214 pemohon) dan RMM C (239 pemohon). Halangan utama penyediaan RMM A dan B adalah kekangan tanah terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan pembangunan tinggi dan nilai tanah yang mahal di daerah Timur Laut, khususnya di KADUN Pulau Tikus. Beberapa projek pembinaan Rumah Mampu Milik sebelum ini seperti Taman eGarden oleh Visentak Sdn Bhd (142 unit RMM B) dan Taman Skyridge oleh Zantalite Sdn. Bhd. (184 unit RMM B dan 154 unit RMM C) telah sedikit sebanyak menampung permintaan ini. Dasar Kerajaan Negeri dalam pengagihan unit RMM A dan B adalah mengikut daerah di mana sejak 2008 hingga kini terdapat sebanyak 36,378 unit RMM pelbagai kategori direkodkan bagi daerah Timur Laut meliputi 12,733 unit siap, 11,736 unit dalam pembinaan dan 11,909 unit pula dalam perancangan. Ia akan dapat membantu KADUN

yang mempunyai kurang pembinaan RMM. Permohonan RMM C boleh dibuat terus ke mana-mana projek tanpa sekatan sempadan daerah dan seterusnya dapat membantu memendekkan tempoh menunggu.